

Dialek Melayu Pattani dan Kelantan: Satu Perbandingan

Dr. Farok Zakaria

Dr. Yusof Talek,

Prince of Songkla University, Pattani, Thailand

Khuzaiton Zakaria

Universiti Malaysia Kelantan

Nurul Huda Sa'dama

Yala Rajabhat University, Thailand

Abstrak

Dialek Melayu wujud dalam pelbagai bentuk mengikut tempat di mana dialek ini dituturkan. Dialek Melayu Pattani masih dipertuturkan secara meluas oleh penduduk di selatan Thai. Walaupun kedudukannya agak terpinggir dek kerana bahasa Thai yang menguasai pertuturan mereka seharian, namun dialek Melayu masih digunakan oleh penduduk di tiga wilayah selatan Thai iaitu Narathiwat, Yala dan Pattani. Kelantan ialah sebuah negeri sempadan dengan selatan Thai yang mempunyai dialeknya yang unik dan tersendiri. Oleh sebab kedudukan geografinya itu, maka tidak dapat dinafikan terdapat persamaan dan perbezaan yang agak ketara antara kedua-dua dialek tersebut. Secara amnya berdasarkan pergaulan dan pemerhatian pengkaji sebagai orang Kelantan yang bertugas di selatan Thai, dapat diperhatikan bahawa dialek Melayu Pattani masih lagi boleh difahami dengan baik. Namun, terdapat ungkapan tertentu yang sudah tidak digunakan atau dilupakan di Kelantan tetapi masih digunakan dengan meluas di selatan Thai seperti “hengga” (bermaksud sembuh) dan “henamo” (bermaksud apa/ atau gapo). Dialek Kelantan juga didapati lebih lengkap dan panjang dari aspek sebutan berbanding dengan dialek Pattani yang sudah dipendekkan oleh penuturnya. Kertas kerja ini membentangkan persamaan dan perbezaan yang wujud antara dialek Kelantan dan Pattani.

Kata Kunci: Dialek, Kelantan, Pattani, pertuturan, perbandingan

1.0 Pengenalan

Negeri Kelantan dan wilayah selatan Thai yang meliputi Narathiwat, Yala dan Pattani ialah negeri sempadan dua buah negara yang mempunyai cara bertutur atau dialek bahasa Melayu yang hampir serupa. Malah, kedua-dua kawasan ini mempunyai persamaan daripada sudut adat resam, budaya dan cara hidup. Hanya sempadan sahajalah yang membahagikan kawasan tersebut kepada dua buah negara iaitu Malaysia dan Thai. Hakikatnya daripada sudut kehidupan seharian, kedua-dua kawasan ini bagaikan sebuah keluarga yang sama tetapi tinggal berjiran.

Dari aspek pertuturan bahasa Melayu di selatan Thai pula, bahasa ini masih dipertuturkan secara meluas namun penggunaan bahasa Melayu yang dituturkan itu tidak secara sepenuhnya dan tidak lengkap. Orang Melayu selatan Thai banyak mencampurkan bahasa Thai dengan bahasa Melayu dalam pertuturan harian mereka. Hal ini demikian kerana kerajaan Thai telah melaksanakan dasar bahasa Thai sebagai bahasa rasmi sejak beratus-ratus tahun dahulu. Namun begitu, orang Melayu selatan Thai tetap megah bertutur dalam dialeknya yang tersendiri dengan sedikit campuran bahasa Thai. Contohnya, perkataan “bek” diguna pakai daripada bahasa Thai yang bermaksud “seperti”, begitu juga dengan perkataan “pisek” yang bererti “istimewa”.

Kelantan pula mempunyai dialeknya yang sangat unik dan tersendiri. Cara bertutur yang bersahaja dan penuh dengan nada, sabdu serta idgramnya itu telah menjadi kebanggaan orang Kelantan sejak berkurun-kurun lamanya. Di Kelantan, dialeknya sangat tebal dalam kalangan penduduknya baik masyarakat Melayu, Cina mahupun India, malah dialek Kelantan juga diguna secara lisan di pejabat-pejabat. Tidak keterlaluan jika dikatakan orang Kelantan tidak akan hilang loghat Kelantannya walaupun ke mana-mana sekali dia pergi. Jika mereka bertutur dalam Bahasa Kebangsaan, petah atau pelat Kelantannya itu masih menebal seperti “petang” disebut sebagai “Petan”. Ketidakbolehan

menyebut perkataan secara betul dalam bahasa Malaysia adalah kerana lidahnya terlalu tebal dengan dialek Kelantan sehinggakan ada yang mengatakan lidah orang Kelantan bagaikan burung nuri yang perlu dikikis terlebih dahulu bagi membolehkan mereka menyebut dengan betul perkataan bahasa Melayu.

Persamaan dan perbezaan dialek Kelantan dan Pattani kadangkala dapat diperhatikan secara jelas dan langsung dalam pertuturan mereka seharian. Apabila orang Kelantan dan selatan Thai bercakap adakalanya perkataan orang selatan Thai itu agak klasik dan tidak digunakan lagi di Kelantan seperti “henamo”, “henggo”, “laba”, “khano”, “gimbuh” dan lain-lain lagi. Terdapat juga perkataan asing yang digunakan dalam dialek Melayu Thai seperti “cok” (habis), “bek” (macam itu) dan lain-lain lagi yang tidak difahami langsung oleh orang Kelantan kerana perkataan tersebut asalnya ialah bahasa Thai. Bersandarkan kepada keadaan inilah, pengkaji telah melaksanakan satu kajian terhadap perbezaan dialek Melayu Kelantan dan Pattani di beberapa buah lokasi yang terpilih di Kelantan dan selatan Thai.

Objektif umum kajian ini adalah untuk membuat perbandingan terhadap pertuturan dialek Kelantan dan Pattani dalam berbahasa Melayu. Namun secara khususnya kajian juga mengungkap persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua dialek terutamanya daripada sudut pertuturan. Secara tidak langsung, kajian ini juga akan membentangkan perkataan-perkataan yang istimewa yang dipertuturkan atau sudah tidak digunakan lagi dalam kedua-dua masyarakat.

2.0 Sorotan Kajian Lepas

Kamus Dewan (1999) memberi kata sinonim kepada dialek sebagai loghat atau bahasa daerah atau tempatan. Dialek ialah cara sesuatu perkataan itu disebut oleh orang yang tinggal di sesebuah kawasan. Dialek dipengaruhi oleh cara hidup dan budaya orang yang tinggal di sesebuah kawasan atau daerah atau kampung. Contohnya orang Kota Bharu menyebut tidak tahu sebagai ‘weksa’ manakala orang Machang pula menyebut ‘peksa’ atau ‘tok tahu’. Bunyi kedua-dua sebutan itu hampir sama tetapi pada hakikatnya tetap berbeza kerana satu perkataan bermula dengan huruf ‘W’ manakala yang satu lagi bermula dengan huruf ‘P’. Di selatan Thailand perkataan berkenaan disebut sebagai ‘peksat’ kerana mengambil pakai bahasa Thai. Namun, sebutan yang berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain merupakan variasi kepada kata asal bahasa Melayu.

Collins T.J ((1989) menulis buku tentang pelbagai pandangan terhadap dialek Melayu. Beliau menyatakan bahawa terdapat pelbagai dialek Melayu yang dipertuturkan di Malaysia. Kepelbagaian itu menjadi bertambah luas dengan adanya pengaruh televisyen dan filem yang mewujudkan pelbagai loghat. Dalam penulisannya, beliau melihat tentang perbezaan dari segi fonetik yang mengakibatkan dialek itu menjadi berbeza. Beliau juga menyatakan bahawa dialek Melayu Langkawi tidak sama dengan dialek Kedah amnya. Orang langkawi suka menyebut perkataan dengan menyengaukan sebutannya. Beliau juga melakukan pemetaan dan kesimpulan awal tentang dialek orang hulu Terengganu. Beliau menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan antara orang pantai dengan orang yang tinggal di hulu pada ketika itu masih belum ada perbandingan dilakukan. Beliau juga menulis tentang kepelbagaian dialek yang ada di Indonesia terutamanya Pulau Ambon. Beliau menyeru pengkaji agar terus mengkaji dialek tradisi yang pelbagai supaya dapat dipelihara bagi kebajikan generasi hadapan. Selain daripada itu, Collin T. J (1995) juga telah menerbitkan bibliografi dialek bahasa di Indonesia yang dibahagikan kepada dialek Aceh, Medan, Batak, Sibolga, Rawa, Rokan, Siak, Lubu, kampar, Inderagiri, Kuantan, Talang, kerinci, Jambi, Kubu, Muko-muko, Rawas, Musi, Sumatera Tengah, Bangka Hulu, Ogan, Palembang, Bangka, Orang Lom, Orang Laut dan Belitung. Setiap satu daerah itu mempunyai dialek yang ketara perbezaannya.

Asmah Omar (1993) menerangkan tentang peranan dialek dalam proses modenisasi bahasa. Beliau membandingkan dialek Johor dan Kedah di mana satu perkataan itu membawa makna yang berbeza bagi setiap negeri dan situasi. Beliau juga mengatakan bahawa dialek akan kekal wujud dalam era moden dan tertakluk kepada penutur secara individu walaupun dalam bahasa yang diciptakan secara artifisial. Ianya hanya akan terhenti apabila penuturnya telah mati. Asmah Omar (1992) juga telah

menulis tentang pemandangan linguistik di Malaysia. Beliau menyatakan di Malaysia terdapat kepelbagaian bahasa dalam masyarakat bukan sahaja kerana daerah dan kawasan yang berbeza tetapi juga kerana faktor lain seperti penghijrahan, agama, pencarian, empirisme dan polisi kerajaan. Oleh kerana pengaruh faktor-faktor itu, maka timbullah kepelbagaian bahasa di negara sekecil Malaysia. Manakala Awang Sariyan (2007) pula menyentuh tentang kesantunan bahasa. Beliau berpendapat penutur mempunyai kesantunan dalam menuturkan satu bahasa kerana berkait rapat dengan adat dan budaya. Sebagai contoh, orang Melayu amat bersantun dalam bercakap dan itu mencerminkan adat dan budayanya yang kaya dengan budi dan bahasa serta kepatuhan penutur kepada sistem bahasa dan sosial. Perkara tersebut juga boleh dikaitkan dengan kesantunan penutur dialek yang mempunyai kaitan dengan daerah yang didiami serta budayanya. Hal ini demikian membawa maksud jika kasar budaya sesuatu kawasan maka kasarlah juga cara pertuturannya.

Malangnya banyak bahasa dialek sudah mulai dilupakan dan ini terbukti apabila Collin J.T(1995) amat menitik beratkan pemeliharaan bahasa dialek di kalangan penuturnya. Perkara ini telah terjadi di Nigeria di mana bahasa Oko telah pupus. Nicholas S. (2008), menyatakan pada suatu masa dulu, Nigeria mempunyai 500 bahasa dan banyak telah terhapus. Kini bahasa Oko cuba dipulih semula oleh seorang pelajar PhD, Joseph Atoyebi (di Max Planck Institute for Anthropology di Leipzig) ke dalam masyarakat dengan cara mengalakkan orang menuturnya. Kini beliau sedang giat menulis kamus dalam salah satu bahasa Afrika yang sebelum ini tidak pernah tercatat dalam bentuk tulisan, cuma dituturkan sekumpulan kecil kecil penduduk. Bahasa Oko hanya boleh dituturkan oleh 20,000 orang penduduk sahaja. Bahasa Oko berasal dari Ogori., sebuah bandar kecil di Kogi yang bersuasana daif. Menurut Nicholas (2008) usaha Atoyebi itu dianggap menyelamatkan satu bahasa yang semakin pupus. Semasa menjalankan kajian itu, beliau amat berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan penuturnya sehinggakan beliau tidak menggunakan pita rakaman dengan sewenang-wenangnyanya. Perkara itu dilakukan agar beliau tidak dilihat sebagai mengkhianati kepercayaan yang diberikan oleh orang Okuro kepadanya. Di Malaysia, keadaan sedemikian masih belum terjadi, namun jika penuturnya sudah leka dengan bahasa lain tidak mustahil jika suatu hari nanti hanya tinggal sejarah dan kenangan.

Wikipedia Bahasa Indonesia sebuah ensiklopedia bebas menerangkan tentang dialek Melayu Pattani dan Kelantan seperti berikut:

“Melayu Pattani, atau dalam bahasa Thailand adalah Yawi atau Jawi dalam bahasa Melayu Pattani, adalah sebuah dialek dari bahasa Melayu yang dituturkan di provinsi paling selatan dari Thailand yang berbatasan dengan Malaysia. Dialek Melayu Pattani adalah bahasa utama dari grup etnik Melayu Thai, namun juga merupakan lingua franca orang Thai di daerah perumahan, baik Muslim dan non-Muslim, dan juga samsam, yang merupakan penduduk percampuran etnik Melayu dan Thai. Melayu Pattani adalah dialek Melayu yang paling berbeda, karena lebih terpengaruh oleh bahasa Thai dan juga terisolasi dari tempat bahasa Melayu dituturkan karena dibatasi oleh pegunungan tinggi. Dialek tersebut hampir mirip dengan Bahasa Melayu Kelantan yang dituturkan di seberang perbatasan. Dialek Kelantan dan Pattani sangat berbeda jauh sampai-sampai rekaman radio dalam bahasa Melayu Standar agak sulit dimengerti. Keduanya juga berbeda dari dialek Bahasa Melayu Terengganu”

(Sumber: Wikipedia bahasa Indonesia, dipetik 11.10 pagi, 16 November 2017)

Manakala menurut sumber yang sama, Bahasa Melayu Kelantan itu dihuraikan seperti berikut:

“Bahasa Melayu Kelantan merupakan loghat Melayu yang dipertuturkan oleh di Negara Bagian Kelantan, Malaysia. Dialek ini juga dipertuturkan di sebahagian Terengganu (di Pulau Perhentian dan Besut) serta sebahagian Kedah seperti di Baling, Sik serta Padang Terap. Pada dasarnya, Bahasa Melayu Kelantan ini mirip dengan Bahasa Melayu Pattani yang juga dituturkan di sebagian selatan Thailand, tetapi telah dipisahkan dengan keadaan sosial serta politik ke 2 negara tersebut. Dialek ini mempunyai perbezaan ketara

berbanding dengan kebanyakan dialek Bahasa Melayu yang dituturkan di Semenanjung Malaya (terutama Bahasa Melayu Johor), yang menekankan penggunaan vokal [ə] (e pepet seperti perkataan emak). Bahasa Melayu Kelantan memakai peralihan bunyi /e/ seperti lele pada akhir dialek vokal serta penggunaan akhiran /o/, menyebabkan Bahasa Melayu Kelantan yang pekat sangat sulit dipahami oleh penutur Bahasa Melayu yang lain (Kecuali penutur Bahasa Melayu Pattani serta penutur Bahasa Melayu Terengganu yang berhampiran)".

(Sumber: Wikipedia bahasa Indonesia, dipetik 11.17 pagi 16 November 2017)

Dalam kajian terawal tentang dialek, Ismail Hussein (1973) telah membincangkan tentang pembahagian dialek Bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia. Beliau mengemukakan empat kumpulan utama dalam dialek Bahasa Melayu yang mana salah satunya ialah dialek yang tersebar dari wilayah Patani yang meliputi dialek Patani, Kelantan dan juga Terengganu. (Petikan daripada rujukan pengkaji Ajid Che Kob (2007) yang bertajuk "Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif "dari Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia).

I. Made Madia (1984), pula mengkaji variasi dalam sistem fonologi yang digunakan di Nusa Penida, Bali dari aspek penstrukturan dialek. Beliau mendapati satu perkara unik penutur di Desa Lembongan ialah ketiadaan konsonan P, B, M diakhir kata yang lazim, untuk dialek Bahasa Bali Ketiga- tiga konsonan itu secara berturut-turut direalisasikan menjadi T, D dan N. Alasan kepada variasi ini adalah kerana kutukan daripada tokoh mitologi I Renggan. Menurutnya lagi, orang Lembongan selalu membuka mulut ketika bercakap dan perkara ini ada hubungan dengan nama Renggan.

Nik Abdul Rakib Bin Nik Hasan, pensyarah daripada Prince of Songkla University, Kampus Pattani ialah satu-satunya ahli akademik di Thailand yang pakar dalam dialek Pattani dan banyak melakukan penyelidikan dalam bidang yang ditulis ini. Hasil kajian beliau yang bertajuk "Melayu Pattani: Etnik, Jatidiri dan perubahan" (Isnin 13 Oktober 2014, Nusantara Studies Center) mendapati:

"Bahasa Melayu Diraja yang dipakai dikalangan kerabat Diraja Melayu Patani telah hilang. Kata-kata DiRaja seperti bersiram, santap, gering, berangkat tiba, berkenan, beradu tiada lagi dikalangan masyarakat kerabat Diraja Patani". (petikan: Nusantara Studies Center, Isnin 13 Oktober 2014, <http://nikrakib.blogspot.com/2014/10/kata-kunci-melayu-siam-patanietnik.html>)

Zuraidah Mohd Don (2003) pula mengkaji tentang pertukaran kod dialek dalam kalangan pelajar Kelantan yang belajar di Universiti Malaya dan beliau mendapati pelajar tersebut dapat menukar pertuturan dialek Kelantan kepada bahasa Melayu standard jika keadaan memerlukan dan dalam sesebuah persekitaran. Beliau menyatakan dialek Kelantan adalah unik dan dituturkan oleh orang Kelantan dengan sebutan, kosa kata dan sintaks yang berbeza daripada bahasa Melayu standard. Hal ini sedemikian adalah kepelbagaian daripada norma bahasa standard yang juga merupakan kepelbagaian linguistik dalam bahasa. Kadang-kadang penuturan dialek Kelantan itu boleh dianggap kurang intelektual oleh penutur dialek lain namun kepelbagaian itu tidak dianggap merosakkan dari sudut bahasa standard.

Daripada kajian lepas yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa dari satu tempat ke satu tempat yang lain memang terdapat perbezaan dan kepelbagaian dialek bahasa Melayu yang merupakan satu elemen yang unik dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Dialek merupakan warna-warna keindahan bahasa yang wujud di setiap kawasan di mana-mana negara di dunia. Justeru, perbezaan antara dialek Kelantan dan Pattani juga membawa makna persamaan dan perbezaan yang wujud dalam budaya dan bangsa yang sama namun dilokalisasi persempadanan yang hampir tetapi berbeza.

3.0 Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan kaedah temu bual, pemerhatian dan juga catatan pada program radio yang diikuti di Pattani dan Kelantan.

Temu bual diadakan dengan responden yang dipilih secara mudah (convenient) dan “snow balling” iaitu responden akan ditemubual di mana-mana restoran awam dengan hanya berbual secara terbuka tentang pelbagai perkara dan pihak pengkaji akan mengutip dan merekodkan perkataan yang dianggap sama tetapi disebut secara berbeza.

Di samping itu, pengkaji juga akan memerhati dan mendengar percakapan orang semasa mereka sedang berbual-bual dan membeli-belah di restoran dengan merekod mana-mana perkataan yang dianggap berbeza dalam dialek Kelantan dan Pattani. Restoran yang dipilih bagi memerhati dialek Melayu Pattani ialah Restoran Cabang Tigo dan juga gerai makan Ban Nut di hadapan Prince Of Songkla University Pattani di Pattani Thailand. Manakala bagi memerhati dialek Kelantan pula pengkaji memilih Restoran Kahfi dan Restoran Satay Malaysia di Baung, Pengkalan Chepa, Kelantan. Tempat ini dipilih atas alasan mudah untuk dibuat pemerhatian kerana mempunyai kemudahan yang baik dan juga berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji.

Pengkaji juga secara aktif mendengar siaran Radio Kelantan FM dalam program AKOK (Apa Khabar Orang Kampung) yang disiarkan dari pukul 2 petang hingga 5 petang setiap hari di saluran berkenaan dan juga siaran Radio So-ovotho Yala yang disiarkan selama 24 jam dalam dialek Melayu Pattani. Pengamatan pada perkataan yang berbeza atau sama yang dituturkan oleh juruhebah yang bertugas pada ketika rancangan diudarkan akan dicatatkan oleh pengkaji. Hasil kajian dikumpulkan dan didokumenkan dalam bentuk jadual dan dibincangkan secara deskriptif.

4.0 Hasil kajian

Daripada kajian, didapati terdapat persamaan dan perbezaan yang tidak begitu ketara dari sudut sebutan perkataan tertentu. Pengkaji juga mendapati terdapat ungkapan-ungkapan atau perkataan-perkataan tertentu yang telah tidak digunakan lagi di Kelantan tetapi masih digunakan dalam pertuturan harian di selatan Thai oleh penutur Melayu. Berikut adalah dapatan terperinci daripada kajian ini:

A. Persamaan dan perbezaan sebutan

Daripada pemerhatian, penggunaan perkataan Melayu adalah sama namun sebutannya adalah berbeza. Struktur sebutan Kelantan adalah hampir sama seperti sebutan akhir “A” disebut “O” dan “AN/ANG” disebut sebagai “E”. Namun yang membezakan adalah nada dan tekanannya sama ada sebutan itu dibulatkan atau diratakan. Orang yang menggunakan dialek Melayu Pattani biasanya gemar memendekkan sebutan sesuatu perkataan seperti “Mu nok gi mano” dalam dialek Kelantan tetapi di Pattani “Mano” itu disebut “no” sahaja atau disebut dalam perkataan klasik “khano”. “Khano” ini juga digunakan oleh orang Kelantan yang tinggal di daerah pedalaman seperti Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai yang menyebutnya dengan “kuano” yang bermaksud “ke mana”. Perkataan “kenapa” disebut di Kelantan dengan “Bakpo” tetapi di Pattani disebut dengan “Wakpo/Vakpo” yang jika diamati berbunyi sama tapi pangkalnya dimulakan dengan huruf yang berbeza.

Perkataan partikel “kah?” yang disebut dalam dialek Kelantan sebagai “ko?” disebut sebagai “keh?” di Pattani seperti “Nok gi ko tok gi ko?” dalam dialek Kelantan disebut sebagai “Nok gi keh tok gi keh?” dalam dialek Pattani. Adakala ia disebut seperti baku iaitu “ka”. Dalam dialek Pattani kadangkala sebutan “U/ONG” di hujung perkataan di sebut sebagai “HANG” seperti perkataan “borong” disebut “borhang” dalam dialek Pattani. Begitu juga “kosong” disebut “koshang”. Acap kali pengkaji mendengar ucapan tersebut dalam perbualan dengan orang tempatan Pattani.

Dialek Melayu Pattani juga banyak mencampurkan perkataan Thai dalam penggunaan harian mereka seperti penggunaan perkataan “bek” bermaksud “seperti itu” atau “lagu tu” dalam dialek Kelantan, “cok” bermaksud “habis”, “graduasi” dan lain-lain lagi yang bukan merupakan perkataan Melayu. Sama seperti di Malaysia, perkataan “beng” daripada bahasa Cina bermaksud sejuk, perkataan “yin” di Thai bermaksud sejuk.

Dialek Melayu Kelantan dan Pattani juga banyak mengguna pakai perkataan Arab dalam pertuturan seperti penggunaan perkataan “topoh” yang merujuk kepada buah epal dan “unat” yang bermaksud buah “anggur”. Perkara ini juga ada persamaan dengan bahasa Melayu “standard” yang banyak mengguna pakai bahasa Arab dalam pertuturan seharian.

Jadual 1.0: Struktur dialek Melayu Kelantan dan Pattani

Perkataan yang berakhir dengan huruf tertentu	Dialek Melayu Kelantan	Dialek Melayu Pattani
Huruf hujung “a” Contoh bila	Jadi sebutan huruf “o” jadi bilo	Jadi sebutan huruf “o” jadi bilo
Huruf hujung “an” atau “ang” contoh makan	Jadi sebutan huruf “e” jadi make	Jadi sebutan huruf “e” jadi make
Huruf sebutan “kah”	Jadi sebutan “ko”	Jadi sebutan “kae” atau “ka”
Huruf sebutan hujung “ong” contoh kosong	Jadi sebutan “ong” juga sama juga disebut kosong	Jadi sebutan “ang” kosong
Sebutan “nya”	Disebut “nyo” atau sesetengah tempat disebut “nyah”	Disebut “nyo”
Huruf sebutan hujung “kit” contoh sikit	Disebut “kit” contoh sikit	Disebut “keek” Contoh sikeek
Huruf sebutan hujung “um” contoh minum	Disebut “ung” contoh minung	Disebut “ung” contoh minung
Huruf sebutan hujung “ek” contoh getek (juga)	Disebut “ek” contoh getek	Disebut “ghatiek”

B. Perkataan yang masih digunakan di Thai tetapi sudah tidak digunakan lagi di Kelantan

Terdapat perkataan dalam dialek Melayu Pattani yang sudah tidak digunakan lagi dalam dialek Melayu Kelantan. Di Kelantan perkataan itu sudah tidak digunakan lagi malah sudah tidak berapa difahami lagi oleh generasi baharu kerana tidak pernah mendengar perkataan-perkataan tersebut. Sebagai contoh perkataan “henamo” atau “penamo” sudah menjadi satu perkataan yang agak asing bagi penutur asal dialek Kelantan tetapi perkataan tersebut masih digunakan secara meluas di Pattani, Narathiwat dan Yala oleh orang Melayu. Di Kelantan, ungkapan itu mungkin masih digunakan di daerah sebelah hulu Kelantan seperti di Machang, Kuala Krai dan Tanah Merah. Perkataan ini boleh dianggap sebagai klasik kerana unik dan tidak berkait dengan bahasa Melayu. Jadual 2.0 menyenaraikan daftar perkataan yang telah seolah-olah dilupakan di Kelantan namun masih digunakan dengan meluas di selatan Thai.

Jadual 2.0: Perkataan yang sudah asing di Kelantan tetapi masih digunakan di selatan Thai

Ungkapan	Selatan Thai	Daerah selatan Kelantan
Ya	He/we	He/we
Lagu mana	Ghano/ guano	Guano/lagu mana
apa	henamo	gapo
Sungguh	Sengoti/ sungguh	Sengoti/ sungguh
Silakan	Sleke	Sleke/silo
Tidak tahu	Weksa	Peksa/ tok tahu
Gayat	Hayut	Hayut
Panggil	Kelo	Panggil/ kelo

Sial Endah	majal Hera/ Cakna	Sial Hira/ Cakna
Kami	Kumo	Kemo
Mu	Mumo	Momo
Saya	Kaei	Kawe
Awak	Diri/ demo	Diri/ demo
Sembuh atau semakin pulih	Hengga	Pulih
Jalan kecil	Batah	Jalan

C. Perkataan Kelantan yang jarang didengari dan digunakan

Antara perkataan yang jarang digunakan dan didengari tapi masih digunakan di kawasan hulu Kelantan dan juga kadangkala digunakan di selatan Thai ialah seperti yang tertera di Jadual 3.0:

Jadual 3.0: Ungkapan yang jarang didengari

Ungkapan dialek	Maksud
Belabit	logik
Genaing	sial
Yak keleh bokte	tengok tu
Simpan palih	minta dijauhi
Gue gapan	serba salah
Pacok	tetapkan
Peloke	pulangan/ kembalikan
Senngeleng	disengajakan
Beretuh (kasar)	tidor
Ranggoh (kasar)	makan
Jelaa	terlalu ingin
Ghosek	rumit
Ggadik	pekat
Magong	tempat yang selalu dikunjungi
Ghembeh	rimas
Kasik	sikit
Kerek	kerap
Cepuah	kotor (pada wajah)
Komoh	kotor
Kek-kong	buas
Kek-kong	bawa di belakang
Kelo	panggil
Jemok-kira	berunding
Kelorek	bakhil
Kupik	kedekut
Keghek	selalu/ sentiasa/ berulang kali
So'oh	panas (so hot)
Se'eh	rasa perut penuh
Geletah	gatal
Gelenya	gatal
Ppengah	gatal
Reboh belebing	jatuh terlanjar
Tidur selebing	tidur terlanjar
Pending	tali pinggang
Jebor	botol
Tonggong	lebih dari bodoh
Deder	tolol
Gong	bodoh
Jangok	berhias dan berdandan

Cah keting	cuba mengatasi dengan cara tak molek
Cakpuak	aksi menjemput makanan
Selore	saluran air di bumbung rumah
Le'it	tekstur yang diadun dengan baik
Jolo	kedudukan yang terkeluar
Yolo	yalah
Mureh	marah
Beronar	buat onar
Gobek	tumbuk
Lokek/ Kelorek	kedekut
Lokek	suka menghalusi (meticulous)
Tok leh seleh	tidak boleh diganggu
Sekun	sepadan
Bokte	sebab/kerana
Keknyah/ keknyo	tetapi
Boko	talam
Batil	jag air
Tebolah	tidak prihatin
Gode	pukul
Behe	pukul
Gocoh	tumbuk
Hungga	aksi berlari
Boley	separuh buta
Cakduh	kurang santun atau tidak molek perbuatannya
Koksir	sembarangan atau tidak sistematik
Cerap	tidak begitu tahu/ tidak ambil perhatian
La-eh	letih
Ngusut	terakhir
Gubak	terakhir
Cokek	mengeletek
Topoh (arab)	epal
Unat (arab)	anngur
Belah ni	seperti ini
Cokeh	cungkil
Gha-um	wangi
Siloh-haboh	serba salah
Keneh atau eneh	ya (sebagai penambah di belakang)
Jo-ong	mendung
Hingga	sembuh
Kelolo	Jenaka/ lawak

5.0 Kesimpulan

“Serumpun tapi tak serupa” ialah satu ungkapan yang amat sinonim dengan Kelantan dan Melayu Pattani. Walaupun dari segi geografinya kedua-dua daerah ini adalah berdekatan, namun oleh sebab peredaran masa dan zaman terdapat perbezaan yang ketara antara dua dialek Melayu yang dipertuturkan di kedua-dua kawasan ini. Di selatan Thai, ungkapan klasik masih digunakan secara meluas dengan penggunaan bahasa Thai dicampuradukkan dengan dialek Melayu Thai manakala di Kelantan pula ungkapan klasik tersebut sudah mulai dilupakan dan jarang sekali diungkapkan oleh generasi muda sekarang. Sayang sekali jika dialek Kelantan ini mulai hilang perkataan-perkataan klasiknya dek kerana kurang dipertuturkan oleh penuturnya yang akhirnya menyebabkan ungkapan klasik berkenaan pupus dalam kamus dialek Kelantan. Penggunaan bahasa Melayu standard di Kelantan telah “mengkelantankan” perkataan Melayu standard seperti perkataan “meme” yang asalnya adalah perkataan “memang”. Struktur dialek Kelantan dan dialek Melayu Pattani hampir sama iaitu “a” di hujung diganti dengan “o” manakala “an/ang” pula digantikan dengan “e”. Namun terdapat pengecualian variasi dalam sebutan dialek Pattani iaitu perkataan yang berakhir dengan

”ong” yang disebut dengan ”ong” juga di Kelantan disebut sebagai ” ang” di selatan Thai. Perbezaan dan persamaan antara dua dialek yang serumpun ini memperkayakan dan mengindahkan lagi dialek Melayu yang sangat progresif mengikut peredaran masa, namun perlu dipelihara agar dialek ini tidak hilang ditelan peredaran zaman.

Bibliografi

Ajid Che Kob (2007) “Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif “ Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Abdul Hamid Mahmood & Nurfarah Lo Abdullah. 2007. Linguistik Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Aslita Sdn.Bhd.

Abdul Hamid Mahmood. 2002. Guru dan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Media Printext (M)Sdn.Bhd.

Asmah Haji Omar. 1985. Susur Galur Bahasa Melayu. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
en.wikipedia.org/wiki/

Asmah Haji Omar (1992). The Linguistic Scenery in Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Asmah haji Omar (1993). Essays on Malaysian Linguistics. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Awang Sariyan (2007). Santun Bahasa. Kuala Lumpur: Dewana Bahasa dan Pustaka

Collin James T. (1995). Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Sumatera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Collin James T. (1989). Antologi Kajian Dialek Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

I Made Madia (1984), Variations within the phonology system of Balinese used in Nusa Penida, a structural dialectology research, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Singaraja (Retrieved On 7 Nov 2017 at 10am thai time from <http://nusapenida.nl/index.php/nusa-penidian/phonology-madia-1984>)

Ismail Hussein (1973) (dalam Ajid Che Kob 2007)

Kamus Inggeris Melayu Dewan (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nicholas S.(2008).(terjemahan Marlysa Razak). Menyelamatkan Bahasa Oko. Going Places. November 2008.Malaysia Airlines .Com. Kuala Lumpur: Communications Division, Malaysia Airlines

Nik Abdul Rakib Bin Nik Hasan (2014). Melayu Pattani: Etnik, Jatidiri dan perubahan. Nusantara Studies Center. (<http://nikrakib.blogspot.com/2014/10/kata-kunci-melayu-siam-patanietnik.html>)
Isnin 13 Oktober 2014, Pattani

Zuraidah Mohd Don (2003). Language-dialect code-switching: Kelantanese in a multilingual context. *Multilingua* 22

<http://www.kelantan.gov.my/http://en.wikipedia.org/wiki/Kelantan>James T Collins. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.www.hoteltravel.com/malaysia/kelantan/